

Hati-Hati di Ruang Siber

Arlitaharianty Sayrol



“Nabil!” Kedengaran suara **cemas** kawannya.

“Rian, kenapa tergesa-gesa ini?” tanya Nabil.

Rian menjelaskan bahawa gambar Nabil **dimuatnaik** oleh seseorang yang tidak dikenali di ruang Instagrup. Identiti orang itu tidak dikenali kerana dia menggunakan **nama samaran**.

“Bukan itu sahaja, orang yang memuatnaikkan gambar awak juga telah menghina awak dengan kata-kata kesat sebagai kapsyen!” tambah Rian lagi.



“Tunjuk saya! Saya mahu lihat,” kata Nabil yang mula berasa cemas. Kelihatan keringat menitis daripada dahinya.

“Lihat ini,” kata Rian sambil menunjukkan skrin telefon bijaknya kepada Nabil.

“Apa? Perbuatan siapakah ini?” Nabil terperanjat melihat gambarnya yang sedang beratur di kantin sekolah, ada di platform media sosial Instagrup. Gambar itu diambil tanpa pengetahuannya. Yang membuat Nabil lebih marah ialah kapsyen yang diletakkan bersama gambar itu... ~ Nabil budak busuk!

Muka Nabil menjadi merah seperti biji saga kerana menahan perasaan marah.

Suasana sewaktu makan malam tidak seperti biasa. Biasanya Nabil rancak berbual. Makan malam kali ini, Nabil hanya membisu sahaja. Nabilah pula kelihatan berkhayal memikirkan sesuatu.

Apabila ibu dan ayah bertanyakan soalan, mereka hanya menggeleng atau mengganguk kepala.



Selesai sahaja makan, Nabil dan Nabilah cepat-cepat mengangkat pinggan mereka lalu meletakkannya ke dalam singki.

Ibu kasihan melihat mereka lalu berkata, "Kamu berdua penat, ya? Biar Ibu sahaja yang mencuci pingganmangkuk malam ini. Kamu pergi berehat."

"Terima kasih Ibu. Esok giliran Nabilah pula ya. Selamat malam, Ibu," kata Nabilah sambil memeluk erat ibunya.



“Nabil juga masuk ke dalam bilik dulu, ya. Selamat malam,” dengan wajah yang **sugul**, Nabil pun melangkah ke bilik tidurnya.

Ibu dan Ayah saling berpandangan. Mereka hairan melihat gerak-geri anak kembar mereka itu.

Ting! Bunyi **notifikasi** dari komputer riba Nabilah telah mengejutkannya daripada lena. Nabilah menggosok-gosokkan matanya lalu melihat waktu yang tertera di komputer ribanya.

“Sudah pukul satu pagi. Siapa yang mesej di ruang Friendsbook aku ini?” bisik hatinya.

“Nabilah! Bangun! Kamu sudah lewat!” teriak Ibu.

Sudah sejam Ibu cuba mengejutkan

Nabilah. Nabilah masih

nyenyak tidur. Jam sudah

menunjukkan pukul 6.30

pagi. Tentu Nabilah akan

lewat ke sekolah.

“Nabilah! Cepat


bangun! Abang tidak boleh

tunggu lagi,” teriak Nabilah dari

luar bilik Nabilah.

Nabilah terjaga. Dia sangat terkejut melihat waktu di jam dindingnya. Nabilah bergegas ke bilik mandi. Sepuluh minit kemudian, Nabilah keluar dari bilik mandi. Dengan cepat dia menyalin pakaiannya.

“Nabilah, makan sarapan ini dahulu. Ibu sudah siapkan,” kedengaran suara lembut Puan Natasya.



“Tidak mengapa Ibu, Nabilah sudah lewat. Nabilah pergi dulu ya,” Nabilah pun mencium tangan ibunya lalu berlari keluar.

“Abang! Tunggu Nab!” jerit Nabilah sambil berlari mendapatkan abangnya yang berada di perhentian bus.

Tidak lama kemudian, bus pun tiba. Mereka berdua menaiki bus nombor 634 untuk ke sekolah. Mujur mereka tidak lewat.

Sepanjang masa di dalam kelas, Nabil kelihatan hilang fokus. Setiap kali guru memanggilnya untuk menjawab soalan, Nabil tidak dapat menjawab soalan dengan baik. Sering kali dia dimarahi oleh gurunya.

Rian dan Akshay, kawan baik Nabil, perasan yang fikiran Nabil sering kali melayang.

Kring! Loceng berbunyi menandakan waktu rehat. Nabil tersedar dari lamunannya. Rian yang duduk di sebelah Nabil melihat Nabil lalu bertanya, “Nabil, awak masih marah tentang gambar semalam?”



“Sudah tentu! Coba awak baca ruang komen. Banyak komen yang tidak benar dilemparkan kepada saya!” suara Nabil menjadi tegang apabila memikirkan tentang apa yang berlaku kepadanya.

Emosinya terganggu apabila dia membaca komen-komen yang tidak baik mengenai dirinya. Dia tidak sangka ada yang membencinya. Dia tidak tahu apa yang harus dibuat agar dia tidak berasa negatif dan sedih.

“Apa kata awak tulis di buku jurnal tentang hal ini? Sekurang-kurangnya, awak dapat meluahkan

perasaan sedih dan marah awak,” kata Rian.

“Eh, buat apa? Kalau Cikgu tahu, bagaimana? Tentu perkara ini akan bertambah rumit,” kata Akshay.

“Betul juga kata Akshay. Sebaiknya saya berdiam sahaja,” kata Nabil.

“Sudahlah, mari kita ke kantin. Nanti tidak ada masa untuk makan kalau kita lewat ke sana,” kata Akshay lagi.

Di rumah ...

“Nabilah, keluar makan, cepat! Apa yang kamu sibukkan itu?” ibu berteriak dari ruang makan.

Nabilah tersentak apabila mendengar suara ibunya lalu menutup komputer ribanya dengan cepat. Mukanya pucat. Dia berasa tidak tenteram.

“Patutkah aku beritahu Ibu dan Ayah apa yang terjadi? Tetapi aku sudah berjanji untuk tidak memberitahu sesiapa. Aku berasa tidak selesa...” jantungnya berdegup dengan cepat.

“Nabilah!!!” Ibu, Ayah dan Nabil sama-sama berteriak.

“Baik, Nabilah datang!” dengan cepat Nabilah keluar dari biliknya.

Selepas makan malam, Nabil dengan cepat meletakkan pinggangnya di singki.

“Nabil, mahu tonton televisyen? Ini rancangan kegemaran kamu,” Ayah bersuara. Ayah perasan kelakuan Nabil yang pelik. Mungkin tekanan peperiksaan yang akan menjelang tidak lama lagi, bisik hati Ayah.

“Kamu okay, Nabil?” tanya Ayah lagi.

“Tidak mengapa Ayah, Nabil mahu tidur awal. Esok Nabil mesti sampai ke sekolah awal. Nabil okay, tidak ada masalah,” kata Nabil sambil menundukkan kepalanya. Dia jarang sekali **berselindung** daripada ayahnya. Oleh itu, Nabil berasa tidak selesa apabila terpaksa berbohong kepada ayahnya.

“Baiklah. Selamat malam,” kata Ayah sambil mengerutkan dahi.

Sementara itu, di bilik Nabilah...

“Bagaimana, ya? Patutkah aku bersetuju untuk

berjumpa?” bisik hati Nabilah.

Nabilah di dalam dilema. Kawan yang baru dikenali di ruang siber Friendsbook, mahu berjumpa. Nabilah berasa resah kerana kawan barunya itu menyuruh Nabilah berbohong. Dia tidak mahu Nabilah memberitahu ibu dan ayah Nabilah mengenai perjumpaan tersebut.

Nabilah tidak tahu apa yang harus dilakukannya. Semakin hari, kawan sibernya itu semakin mendesaknya.



Dia juga telah menghantar bermacam jenis gambar kepada Nabilah dan dia mahu Nabilah menghantar gambar Nabilah kepadanya.

Kelmarin, sewaktu Minggu Kesejahteraan Siber, guru Nabilah berpesan kepada semua murid agar tidak memberikan **informasi peribadi** kepada orang yang tidak dikenali, terutama sekali di ruang siber.

Di dalam kelas...

“Baiklah murid-murid, hari ini Cikgu benarkan kamu menulis di jurnal tentang apa sahaja yang kamu ingin kongsi kepada saya,” kata Cikgu Sherhan.

“Ah, mungkin ini masanya aku berkongsi tentang apa yang terjadi. Keadaan sudah semakin serius kerana gambar aku sudah **tular** dan dijadikan bahan senda antara murid-murid di sekolah ini,” bisik hati Nabil.

Setelah Cikgu Sherhan membaca jurnal Nabil, barulah dia faham kenapa kebelakangan ini Nabil tidak fokus di dalam kelas. Cikgu Sherhan berjanji dia akan menolong Nabil menyelesaikan masalah ini. Siapa agaknya **dalang** yang membuli Nabil di ruang siber?



Hal ini dilaporkan kepada pengetua dan guru disiplin. Sama-sama mereka menyiasat. Akhirnya mereka dapati salah seorang daripada kawan sekelas Nabil adalah pembuli di ruang siber.

“Maafkan saya Nabil,” kata Akshay sambil menunduk malu.

Rupa-rupanya, Akshay dalangnya! Selama ini Akshay berasa cemburu terhadap Nabil kerana Nabil

selalu mendapat markah yang cemerlang dan disukai ramai kawan di sekolah. Lagipun Akshay berasa marah kerana persahabatan Nabil dan Rian semakin rapat.

Nabil tidak sangka Akshay tergamak melakukan perkara tersebut tetapi Nabil tetap memaafkan Akshay.

Misteri tentang pembuli siber telah pun terjawab. Walaupun Akshay telah meminta maaf, ibu bapanya akan diberitahu tentang hal ini. Akshay perlu hadirkan diri untuk sesi kaunseling. Menghina dan mempersendakan orang di alam siber adalah kesalahan yang besar. Pesalah akan diberikan amaran tegas dan dihukum sewajarnya.

Sementara itu, di rumah ...

“Terima kasih Tuan dan Puan, informasi yang diberikan oleh Nabilah boleh membantu kami dalam siasatan. Syabas Nabilah! Kamu telah melakukan perkara yang betul,” kata Inspektor Sayrol.

Nabil baru tiba di rumahnya dan terlihat ada seorang pegawai polis yang baru keluar dari rumahnya.



“Eh, kenapa polis datang ke rumah kita, Ayah?”
tanya Nabil terpinga-pinga.

“Mari masuk dahulu. Panjang ceritanya,” kata
Ayah kepada Nabil.

Sewaktu makan malam, Nabilah menceritakan
apa yang telah berlaku. Nabilah telah berkenalan
dengan seseorang di Internet. Pada mulanya, kawan
sibernya itu baik. Tetapi, lama-kelamaan dia asyik
mendesak Nabilah untuk menghantar gambar dan

berjumpa dengannya. Oleh kerana Nabilah tidak mahu kehilangan kawan barunya itu, Nabilah sanggup **bersengkang mata** untuk berborak-borak dengannya sehingga lewat. Itu yang menyebabkan Nabilah selalu bangun lewat untuk ke sekolah.

Kawan sibernya juga mengugut Nabilah. Dia mahu menunggu Nabilah di luar sekolah jika Nabilah tidak mahu melayannya di ruang sembang. Nabilah berasa tertekan dan takut. Akhirnya Nabilah membuat keputusan untuk memberitahu Ibu dan Ayah tentang hal tersebut.

Seminggu kemudian...

"Ya, saya akan beritahu Nabilah. Terima kasih, inspektor," kata Ayah lalu meletakkan gagang telefon.

"Siapa itu?" tanya Ibu.

"Saya ada berita baik. Nabilah dan Nabil, mari ke sini," panggil Ayah.

"Ya, Ayah?"

"Orang yang menggunakan gelaran Jejaka2008 itu seorang pemuda berusia 30-an tahun tetapi


menyamarkan sebagai seorang budak sekolah. Bukan Nabilah sahaja yang menjadi mangsa tetapi ramai lagi anak kecil yang diganggu dan diugut. Sekarang dia telah ditangkap, jadi Nabilah tidak perlu kluatir lagi," jelas Ayah dengan panjang lebar.

"Syukur Nabilah tidak diapa-apakan. Syukur semuanya selamat," kata ibu sambil memeluk Nabilah.



Glosari

cemas	perasaan takut dan risau, gelisah, bimbang
dimuatnaik	tindakan memindahkan fail dari stesen komputer pengguna ke stesen komputer utama melalui talian rangkaian
nama samaran	gelaran singkat
sugul	susah hati
notifikasi	pemberitahuan
berselindung	menyembunyikan sesuatu hal
informasi peribadi	maklumat tentang seseorang individu
tular	sesuatu yang tersebar luas
dalang	orang yang merancang sesuatu kegiatan secara sulit
bersengkang mata	menahan perasaan ngantuk





Trivia

Tahukah kamu tentang ...

Jenayah siber? Jenayah siber merupakan jenayah komputer yang baharu pada abad ini. Jenayah siber ini terdiri daripada unsur penipuan, kerosakan atau pengubahsuaian program atau data komputer, pencurian maklumat, penggodaman dan lain-lain.



Aktiviti Bersama Keluarga

Cubalah permainan di dalam aplikasi-aplikasi berikut bersama keluarga anda;

- Bitara Kata
- Pintar Kata
- Tembok Kata
- Jom Teka Teki
- Teka Teki Crush
- Pintar Peribahasa
- Legenda Singapura
- Cerita Rakyat Nusantara
- Belajar Peribahasa Melayu
- Roda Ceria: Kata-Kata Pembelajaran

